

Headline	Lantik MRCB, George Kent rakan pelaksana
MediaTitle	Harian Metro
Date	05 Sep 2015
Section	Bisnes
Page No	65
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Lantik MRCB, George Kent rakan pelaksana

Kuala Lumpur: Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) mengumumkan pelantikan Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB) dan George Kent (M) Bhd sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) bagi projek Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3).

Pengarah Urusan Prasarana Datuk Azmi Abdul Aziz berkata, pelantikan itu menerima kelulusan Kementen-

rian Kewangan dan projek itu menelan kos perbelanjaan RM9 bilion. Ia dijangka dimulakan awal tahun depan selepas mendapat kelulusan pihak berwajib serta siap menjelang 31 Ogos 2020.

“Jumlah RM9 bilion tidak termasuk kos pembelian tanah dan ia hanya membatikan projek pembinaan keseluruhan LRT3. Kami

menjangka kos projek LRT3 tidak meningkat walaupun berdepan dengan ketidak-tentuan nilai ringgit,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dengan pelantikan PDP terbabit, menjadikan MRCB-George Kent JV berpe-ranan keseluruhan memantau projek LRT3 dan melantik kontraktor.

Azmi berkata, namun pelantikan kontraktor diputuskan menjelang akhir tahun dan perlu melalui proses pra-kelayakan (PQ).

Projek LRT3 akan menyediakan perkhidmatan kepada lebih dua juta komuter di sepanjang jajaran yang akan menghubungkan Bandar Utama, Damansara dan Joh-an Setia di Klang menjelang 2025.

